

08/11/1999

Parti Rakyat setuju lantik PM bukan Islam

KUALA LUMPUR, Ahad - Parti Rakyat Malaysia (PRM) merestui kenyataan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berhubung kesediaan Pas menerima pemimpin DAP walaupun bukan beragama Islam, sebagai Perdana Menteri jika barisan alternatif memenangi pilihan raya akan datang.

Setiausaha Agung PRM, Dr Sanusi Osman, berkata ini selaras dengan ketetapan barisan alternatif untuk melantik Perdana Menteri sementara dari mana-mana anggota pakatan itu yang mendapat majoriti dalam Parlimen, sebelum kes Datuk Seri Anwar Ibrahim disemak kembali.

Oleh itu, katanya, Perdana Menteri boleh dipilih dari calon DAP, jika parti itu memenangi kerusi terbanyak dalam pilihan raya akan datang.

"Dasar barisan alternatif adalah memberi jawatan Perdana Menteri sementara kepada wakil parti yang mendapat suara terbanyak di Dewan Rakyat.

"Jika Anwar didapati tidak bersalah, jawatan Perdana Menteri akan diserahkan kepadanya," katanya ketika dihubungi di rumahnya, hari ini.

Jumaat lalu, Mursyidul Am Pas berkata, Pas bersedia menerima pemimpin DAP menjadi Perdana Menteri, jika pakatan barisan alternatif memenangi pilihan raya umum akan datang.

Menurut Nik Aziz, Pas tidak memaksa orang bukan Islam memeluk agama Islam sebagai syarat bagi membolehkan mereka memimpin negara.

Semalam, Pengerusi DAP Chen Man Hin menyifatkan kenyataan Nik Aziz sudah berbeza dengan dulu kerana dalam konsep negara Islam bahawa bukan Islam sama sekali tidak boleh memegang kuasa politik.

Sementara itu, Ketua Penerangan Keadilan, Ruslan Kassim berkata dalam perlembagaan tidak ditentukan keturunan Perdana Menteri sama ada berbangsa Melayu atau tidak.

"Fakta sejarah yang diterima setakat ini meletakkan orang Melayu sebagai Perdana Menteri. Bagaimanapun, kita tidak boleh menolak kemungkinan orang bukan Melayu sebagai Perdana Menteri kerana ia tidak ditetapkan dalam Perlembagaan.

"Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga pernah menyatakan Perdana Menteri tidak semestinya orang Melayu kerana tidak ada ketetapan dalam Perlembagaan," katanya.

Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar pula tidak mahu mengulas kerana menyifatkan kenyataan itu diputarbelitkan untuk melaga-lagakan parti pembangkang.

"Ini usaha melaga-lagakan pemimpin pembangkang... ini adalah permainan kerajaan," katanya.

(END)